

Lawatan

YANG BERHORMAT TAN SRI MUSA MOHAMAD Menteri Pendidikan Malaysia



PERLIS, 12 Ogos 2002 - Tan Sri Musa Mohamad telah membuat lawatan ke Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Lawatan beliau sememangnya dinantikan terutamanya kepada kolej universiti yang baru seperti KUKUM. Turut hadir dalam sesi lawatan tersebut ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia dan Pengarah Pendidikan Negeri Perlis sendiri.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis turut bersama-sama dengan warga KUKUM meraikan kesudian Yang Berhormat Tan Sri membuat lawatan ke kolej universiti yang 'terbongsu' di Malaysia dan yang pertama di negeri Perlis.

Dalam majlis taklimat ringkas yang diadakan, Rektor KUKUM, Prof Dr Kamarudin Hussin menekankan kepada konsep pembelajaran di KUKUM yang berteraskan 'hands-on'. Pelajar-pelajar di KUKUM juga tidak hanya tertumpu kepada proses pengajaran dan pembelajaran tetapi turut diterapkan dengan nilai-nilai kemasyarakatan. Ini terbukti dengan keaktifan KUKUM menganjurkan pelbagai program seperti Program Jalan Kaki, Kampung Angkat, Debat Alam Sekitar dan Kuiz Bina Bangsa.

Yang Berhormat Tan Sri melahirkan rasa kagum terhadap kemudahan yang disediakan oleh pihak kolej universiti kepada pelajar-pelajarnya biarpun KUKUM baru sahaja memulakan operasinya secara rasmi pada bulan Jun 2002. Selain daripada melawat sekitar Kampus Sementara Kubang Gajah yang meliputi bangunan pentadbiran, dewan kuliah dan dua (2) makmal kejuruteraan iaitu makmal komputer dan makmal mikroelektronik, Tan Sri dan rombongan turut dibawa melawat ke kolej kediaman Taman Aman yang terletak di Bintong, Perlis.

Semoga lawatan Yang Berhormat Tan Sri Musa Mohamad menjadi pemangkin kepada kecemerlangan bukan sekadar pelajar-pelajar KUKUM tetapi turut merangkumi seluruh warga KUKUM selari dengan falsafah KUKUM iaitu Ilmu*Keikhlasan*Kecemerlangan.

